

PM - KEBIJAKSANAAN

1982

ALUR SETAR, 16 DIS (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT NEGARA INI MUNGKIN BERBEZA DARI SEGI KETURUNAN DAN KEBUDAYAAN, TETAPI PERBEZAAN MEREKA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN TIDAK HARUS DITERIMA KERANA IANYA BOLEH DIHAPUSKAN.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BERKATA KEBIJAKSANAAN DIPERLUKAN DALAM USAHA MENGESIMBANGKAN PERBEZAAN PEMBANGUNAN ANTARA KAUM.

KEBIJAKSANAAN, TEGASNYA, PERLU DALAM MENENTUKAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH DIUBAH DAN YANG TIDAK BOLEH DIUBAH.

BERUCAP MERASHIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN PELANCARAN KOPERASI SERBAGUNA MAJLIS BELIA NEGERI KEDAH DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA NEGARA MENGALAMI PERUBAHAN SETIAP MASA DAN APA YANG PERLU IALAH MENENTUKAN SETIAP PERUBAHAN ITU BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK RAKYAT.--LAGI 1548/HM

PM-KEBIJAKSANAAN 2 ALUR SETAR

+ PERBEZAAN TERDAPAT DARI SEGI KETURUNAN, KEBUDAYAAN DAN PEMBANGUNAN DAN DASAR EKONOMI BARU ADALAH UNTUK MENGSEIMBANGKAN SEMUA KAUM DALAM PEMBANGUNAN, KATA BELIAU.

+TERDAPATNYA RAKYAT BERBILANG KAUM DALAM NEGARA INI TIDAK MENJADI MASALAH TETAPI PERBEZAAN DALAM PEMBANGUNAN ANTARA KAUM TIDAK SEHARUSNYA TERDAPAT KERANA PERBEZAAN INI BOLEH DIUBAH, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESEFAMAMAN ANTARA KAUM JUGA PERLU BAGI MENERIMA DASAR EKONOMI BARU YANG BERTUJUAN MENGSEIMBANGKAN SEMUA KAUM SUPAYA PERASAAN IRI HATI ANTARA KAUM TIDAK WUJUD.

+ KEADAAN KUCAR KACIR AKAN BERLAKU JIKA KITA MENGUBAH PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BOLEH DIUBAH SEMENTARA PERKARA YANG BOLEH DIUBAH PULA DIABAIKAN, + KATANYA.

+ DASAR EKONOMI BARU PULA TIDAK BERMAKNA BAHAWA MEREKA YANG TELAH BERJAYA PERLU BERHENTI SUPAYA MEREKA YANG KETINGGALAN, DAPAT MENGEJAR BAGI MENCAPAI TAHAP YANG SAKA.--LAGI 1355/HM

ZCZC 8589

PM-KEBIJAKSANAAN 3 ALUR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENYURUH MEREKA YANG BERJAYA SUPAYA BERHENTI SEMENTARA MEREKA YANG KETINGGALAN MENGEJAR TIDAK AKAN MEMBANA KEMAJUAN SEBALIKNYA INI MENYEKAT KEMAJUAN NEGARA.

KATANYA, TIDAK MUSTAHIL UNTUK PIHAK YANG KETINGGALAN BERGERAK DENGAN BEGITU PANTAS BAGI MENCAPAI TAHAP YANG SAMA DENGAN MEREKA YANG TELAH BERJAYA SEPERTI YANG TELAH DIBUKTIKAN OLEH NEGERI JEPUN.

BELIAU BERKATA KUNCI KEJAYAAN ADALAH KESANGGUPAN MENCUBA DAN BERUSAHA DENGAN TEKUN KERANA PIHAK YANG MUNDUR ITU TIDAK SEMESTINYA MUNDUR SELALU.

BELIAU MENEGASKAN DASAR PANDANG KE TIMUR MEMERLUKAN RAKYAT BERSIKAP SEPERTI RAKYAT JEPUN YANG RAJIN BEKERJA BAGI MEMBANGUN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR INI ADALAH UNTUK MEMPELAJARI RAHSIA RAKYAT JEPUN IAITU SANGGUP BEKERJA KERAS DAN BERDISIPLIN DAN BUKANNYA UNTUK MEMBELI SEMUA BARANG KELUARAN JEPUN.--LAGI 1557/HM

ZCZC 8590

PM-KEBIJAKSANAAN 4 ALUR SETAR

KATANYA, DASAR PANDANG KE TIMUR INI TIDAK BERMAKSUD AGAR RAKYAT MENJADI SEPERTI RAKYAT SEPENUHNYA TETAPI SEKADAR JEPUN BERSIKAP BERSIKAP TEKUN BEKERJA, BERDISIPLIN DAN SANGGUP BEKERJA MENGIKUT PELUANG YANG ADA.

BELIAU MENAMBAH ORANG BARAT KINI TELAH MENJADI MALAS DAN SIKAP MEREKA INI TIDAK SEHARUSNYA DITIRU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP PARA BELIA MEMPUYAI SIFAT BERSABAR DAN MENODIK DIRI SEBELUM MENGAMBIL ALIH DARI ORANG-ORANG LAMA BAGI MENCAPAI KEBAHAGIAN UNTUK SEMUA.

BELIAU MENAMBAH SETIAP LAPISAN MEMPUYAI PERANAN YANG PERLU DIMAINKAN BAGI MENGUJUKKAN SEBUAH NEGARA YANG BAHAGIA.-- BERNAMA 1600/HM